

23 NOV 2000

Mahathir-Lunas

KEADILAN HANYA MAHU LIHAT MELAYU BERPECAH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Nov (Bernama) -- Parti Keadilan Nasional (Keadilan) hanya mahu melihat orang Melayu berpecah dengan memainkan sentimen agama dan perkauman dalam kempen pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Lunas di Kedah, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata Keadilan tidak mempunyai matlamat lain selain untuk membebaskan bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Justeru mereka tidak peduli apa yang akan terjadi kepada bangsa Melayu, agama Islam, masyarakat majmuk serta negara. Mereka menggunakan isu agama dan kaum dalam pilihan raya kecil ini untuk melemahkan orang Melayu.

"Bagi mereka tak apa pecah-belahkan orang Melayu kerana apabila orang Melayu berpecah, Umno jadi lemah..." kata Dr Mahathir kepada pemberita selepas merasmikan seminar kebangsaan Pembangunan Islam dan Ancaman Ajaran Sesat di The Mines, Seri Kembangan dekat sini.

Dr Mahathir berkata penggunaan isu kaum dan agama oleh parti pembangkang memang telah dijangka sepertimana yang berlaku pada pilihan raya kecil Teluk Kemang.

Beliau tidak menolak kemungkinan ada di kalangan rakyat yang akan terpengaruh dengan sentimen perkauman dan agama yang dimainkan Keadilan dalam pilihan raya kecil Lunas nanti.

"Sebagai contoh, mereka akan kata dah lama tak rasa wakil rakyat Melayu... dah bertahun-tahun dan berkali-kali pilihan raya kita tak rasa wakil rakyat Melayu..." katanya.

Mengenai keretakan yang berlaku dalam pakatan pembangkang, Dr Mahathir berkata ini memang dijangka akan berlaku sejak dahulu kerana kesemua parti yang bergabung dalam pakatan itu tidak sealiran.

"Mereka ibarat tidur bersama tetapi mimpi lain-lain," katanya dan menegaskan bahawa yang untung dalam pakatan itu ialah PAS, manakala Keadilan hanya diperalatkan dan DAP hanya sekadar menumpang.

Mengenai kenyataan setiausaha agung DAP Kerk Kim Hock bahawa Keadilan mempunyai niat jahat, Dr Mahathir berkata itu tidak menghairankan kerana memang pada peringkat permulaan penubuhan pakatan PAS, Keadilan, DAP dan PRM itu niat masing-masing ialah untuk menipu antara satu sama lain.

Beliau berkata pada hakikatnya kesemua parti dalam pakatan itu bersikap perkauman sungguhpun masing-masing cuba menafikan perkara itu.

Mengenai sama ada perkembangan ini akan memberi kelebihan kepada Barisan Nasional pada pilihan raya kecil Lunas 29 Nov ini, Dr Mahathir menjawab "mungkin ada, mungkin tidak."

Tetapi katanya kemenangan BN bukan bergantung kepada kelemahan parti lawan tetapi bergantung kepada penerimaan rakyat berdasarkan khidmat baktinya selama ini dalam menjamin kehidupan rakyat serta membangunkan negara.

-- BERNAMA

AKT HS RON